PERBADANAN PUTRAJAYA

# KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Gembala Lembu Di Presint 14' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 27 Mei 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana pengembalaan lembu ini sebenarnya berlaku di luar kawasan Putrajaya, pihak PPj tidak berkuasa mengambil tindakan. Namun demikian, pihak PPj akan mendapatkan bantuan dan kerjasama dari pihak berkuasa Sepang untuk menangani masalah ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( ZAHARAH SALAMAT )**
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 01 Jun 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 6
Tarikh : 27 Mei 2010

# Gembala lembu di Presint 14

## Pengguna jalan raya bimbang haiwan peliharaan terlepas ke jalan raya

Oleh A'isyah Sukaimi

PUTRAJAYA: Tindakan pemilik lembu yang membawa ternakan masuk sehingga ke kawasan Putrajaya di Presint 14 di sini mengundang pelbagai persoalan termasuk kemungkinan boleh menimbulkan bahaya kepada lalu lintas.

Selain itu, orang ramai berpendapat kumpulan lembu yang "berehat" di siar kaki di bahu jalan keluar dari Presint 14 ke Bangi itu mencacatkan pemandangan selain boleh merosakkan landskap di bandar raya pentadbiran itu.

Tinjauan *Sentral* mendapati, kira-kira 10 lembu dilepaskan di kawasan berkenaan di tepi jalan tetapi dikawal pemiliknya serta empat anjing.

Pemilik haiwan berkenaan yang dipercayai datang dari luar Putrajaya dipercayai tidak menyedari bahawa dia sudah mengembala haiwan itu memasuki sempadan Putrajaya, kawasan dilarang kegiatan seperti itu.

Walaupun haiwan berkenaan tidak mengganggu orang ramai setakat ini, kehadiran lembu di simpang masuk ke Presint 14 itu mencacatkan pemandangan.

Kakitangan swasta, Noraizah Mohd Daud, 36, berkata beliau sering melihat kehadiran lembu di kawasan itu terutama pada tengah hari sehingga jam 3 petang.

"Setiap hari, saya menghantar anak ke sekolah rendah di Presint 14 dan sering melihat kehadiran lembu di persimpangan masuk ke kawasan ini.

"Setakat ini, haiwan itu tidak pernah mengganggu orang ramai dan lalu lintas di kawasan terbabit tetapi siapa sangka sekiranya ia melintas jalan dan mengganggu lalu lintas ketika pemilik lembu berkenaan leka," katanya.



LEMBU dilepas bebas di Presint 14, Putrajaya, boleh mengundang bahaya selain memburukkan pemandangan pusat pentadbiran itu.

Beliau berkata, kehadiran anjing untuk mengawal pergerakan lembu itu juga boleh menimbulkan bahaya kepada orang ramai terutama kanak-kanak yang melalui kawasan itu.

"Walaupun tidak pernah berlaku kejadian digigit anjing, pihak berkuasa harus memantau dan mengambil langkah segera untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku," katanya.

Kakitangan kerajaan, Azman Madusiman, 35, berkata pemilik lembu harus memikirkan keselamatan pengguna jalan raya lain serta tidak membiarkan haiwan mereka berkeliaran di kawasan berkenaan.

"Sepatutnya haiwan ternakan tidak boleh dibiarkan lepas ke kawasan sering digunakan oleh orang awam. Walaupun lembu berkenaan tidak mengganggu penduduk, keadaan terbabit mungkin mengundang rasa tidak selesa di kalangan pengguna yang melalui kawasan itu," katanya.